

04 NOV 2000

Mahathir-Artis

PAMERKAN KEINDAHAN MALAYSIA MELALUI LUKISAN

LANGKAWI, 4 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap para pelukis Itali dapat mempromosikan keindahan negara ini melalui lukisan mereka.

"Saya berharap para pelukis Itali dapat datang kerap ke Malaysia untuk melihat keindahan negara ini, yang boleh dijadikan ilham dalam lukisan mereka," katanya.

Yayasan White Helmets Eropah, sebuah pertubuhan kebudayaan telah membawa ramai pelukis Itali untuk menghadiri Festival Lukisan Antarabangsa Langkawi (Lifa) selama 10 hari yang berakhir hari ini.

Dr Mahathir berucap pada majlis pertukaran budaya fesyen dan seni itu yang dianjurkan oleh sebuah hotel di sini.

Beliau juga berharap yayasan itu dapat mempromosikan Malaysia di Itali.

Dr Mahathir berkata yayasan itu telah berperanan dalam mempamerkan Malaysia dalam rancangan tv Itali.

"Mereka pernah mengadakan sidang berita di Itali untuk membantu mempromosikan Malaysia," katanya.

Menjawab soalan semasa persidangan berita selepas itu, Dr Mahathir berkata Lifa antara lain telah memperkenalkan Malaysia kepada dunia.

Beliau berpendapat Lifa patut diadakan dua tahun sekali iaitu berselang dengan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima).

-- BERNAMA

JM NH RI